

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**  
**TARIKH** : **28 NOV 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan bagaimana Indonesia mampu menggunakan biodiesel 20% (dan sedang dirancang untuk menggunakan biodiesel 30%) apabila dikatakan kos menukar minyak kelapa sawit kepada biodiesel adalah lebih tinggi daripada harga diesel fosil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Indonesia menggunakan dana daripada Badan Pengelola Dana Pelaburan Kelapa Sawit (BPDPKS) yang digunakan sebagai subsidi ke atas harga biodiesel B20 di negara tersebut. Sumber BPDPKS ini dijana daripada kutipan levy eksport minyak sawit Indonesia yang mana kutipan hasil *levy* eksport tersebut dimasukkan kepada tabung khas dikendalikan oleh BPDPKS dan bukannya sebagai hasil kepada Kerajaan Indonesia.

Sekian, terima Kasih.